

Headline	Makin tua makin aktif		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	37	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	SHARIFAH NORFAEZAH WAN AHMAD MAKKI	AdValue	RM 13,539
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,617



Makin tua makin aktif

Cikgu Adnan berbasikal ke London sedia kembara lagi

>>Oleh Sharifah Norfaezah
Wan Ahmad Makki Mashor
norfaezah@hmetro.com.my

PETALING JAYA: "Saya bersyukur apabila berjaya menamatkan perjalanan berbasikal dari ibu negara ke London pada 9 Ogos lalu dan saya berpuas hati dengan pencapaian ini dan tidak akan teragak-agak untuk meneruskan misi seterusnya pada masa akan datang," kata warga emas, Adnan Osman atau lebih mesra dengan panggilan Cikgu Adnan menerusi ekspedisi berbasikal secara solo ke London baru-baru ini.

Adnan, 70, berkata, apa yang menggembirakan dia berjaya menghabiskan laluan 20,000 kilometer (km) ke England awal sebulan daripada tarikh yang dirancangnya sebelum ini.

"Ini adalah sesuatu yang saya banggakan kerana walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai kekangan cuaca ketika melalui 13 negara, tetapi semuanya berjalan lancar, malah saya sempat singgah di Jerman untuk berjumpa dengan pihak yang menaja sebahagian ba-

"Usia bukan penentu dan yang penting minat dan juga kemahuan untuk melakukan sesuatu"

>Adnan Osman

rangan sukan untuk misi ini, iaitu Deuter.

"Saya juga berasa amat lega dapat membuat pencapaian sebegini memandangkan usia yang agak lanjut sekarang dan saya juga mula bergiat aktif dalam bidang sukan ketika berusia 46 tahun," katanya pada sidang media penyampaian sumbangan daripada Universal Fitness and Leisure (UFL), semalam.

Sumbangan RM2,000 itu diserahkan Pengarah Urusan UFL, Datuk Radha Krishnan dan disaksikan Pengarah Eksekutif UFL, Datuk Abd Malek Noor.

Menurutnya, dia kini ber-

minat menceburi sukan kayak sekiranya mempunyai kemampuan dari segi kos kerana dia tidak mahu menyekat kemampuannya hanya berdasarkan faktor umur.


"Usia bukan penentu dan yang penting minat dan juga kemahuan untuk melakukan sesuatu," katanya yang kali terakhir mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Desa, di sini.

Sementara itu, Radha berkata, selain memberi tajaan sebanyak RM5,000 bagi peralatan Adnan meneruskan misinya pada 25 September tahun lalu, pihaknya berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada warga emas itu yang mempunyai semangat dalam mengharumkan nama negara.

Katanya, selain dapat membawa nama ke persada antarabangsa menerusi misi itu, Adnan juga berjaya mengumpul dana RM1,000 bagi diserahkan kepada Majlis Aids Malaysia.

"Pihak UFL tampil membantu individu sebegini yang memerlukan sumbangan kami terutama dalam menjayakan misi sebegini," katanya.

Headline	Makin tua makin aktif		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	37	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	SHARIFAH NORFAEZAH WAN AHMAD MAKKI	AdValue	RM 13,539
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,617



PENGHARGAAN...Radha (dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Adnan sambil diperhatikan Abd Malek.